

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Bank Negara telah menerima kenyataan daripada pihak berkuasa Singapura bahawa penyata kewangan 1MDB atau anak syarikatnya telah dipalsukan. Adakah kumpulan 1MDB masih mempunyai US\$1.1 bilion secara tunai dalam akaun Bank BSI, yang merupakan tebusan dari pelaburan Cayman Islands.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah AMLA, dipertanggungjawabkan untuk menerima risikan kewangan daripada pihak berkuasa negara asing. Walau bagaimanapun, sebarang maklumat yang diterima adalah tertakluk kepada protokol kerahsiaan Antarabangsa (***Egmont Principles of Information Exchange***) dan kehendak kerahsiaan di bawah seksyen 10 AMLA. Menurut seksyen 10 AMLA, maklumat yang diterima hanya boleh didedahkan kepada agensi-agensi penguatkuasa berkaitan yang menyiasat kes tersebut di bawah undang-undang mereka setelah mendapat kebenaran bertulis dari pihak berkuasa asing.

1MDB telah menjelaskan bahawa baki pelaburan yang telah ditebus (*redeemed*, dengan izin) oleh 1MDB adalah dalam bentuk aset di dalam mata wang US Dollar di sebuah bank di Singapura bertujuan untuk mengimbangi liabiliti US Dollar syarikat. Bank ini merupakan penjaga (*custodian*, dengan izin) bagi pihak 1MDB untuk aset tersebut.

Berhubung dengan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat pada 10 Mac 2015, jawapan tersebut adalah dipinda seperti kandungan bertulis di atas.